

Tuanku Canselor

berkenan berbuka puasa bersama warga UiTM



10 MEI 2019 — KDYMM Seri Paduka Baginda Tuanku Canselor dan KDYMM Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong berkenan berangkat ke Majlis Berbuka Puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, di kampus UiTM Shah Alam.

Keberangkatan Tuanku Canselor dan Raja Permaisuri Agong disambut oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Dato' Seri Syed Zainal Abidin dan Naib Canselor YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dr Mohd Azraai Kassim bersama pasangan masing-masing dengan iringan marhaban daripada staf Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Barisan Pro-Canselor, Ahli Lembaga Pengarah Universiti dan Pengurusan Eksekutif Universiti turut hadir. Tuanku Canselor berkenan menunaikan solat maghrib bersama-sama 2,000 pelajar dan warga UiTM kampus Shah Alam di majlis berkenaan.



Majlis Berbuka Puasa Bersama **Sultan Selangor**



16 MEI 2019 — DYMM Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah telah bercemar duli bagi menghadiri majlis berbuka puasa bersama warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam. Majlis ini telah diadakan di Masjid Al-Wathiquil Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin. Keberangkatan DYMM Sultan Selangor disambut dengan alunan bacaan selawat oleh Kumpulan Marhaban Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Baginda turut berkenan menyampaikan sumbangan wang zakat kepada 39 orang pelajar asnaf iaitu asnaf fakir, miskin, fisabillah dan mualaf. Turut diadakan majlis bacaan yasin dan tahlil khas serta doa selamat bagi mengingati Almarhum Sultan Salahuddin Abd Aziz Shah Alhaj, Almarhumah Paduka Bonda Raja Selangor, Raja Shaidatul Ihsan dan adinda-adinda baginda. Bacaan yasin dan tahlil dipimpin oleh Ustaz Mohd Faizan Tajudin.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Pro-Canselor, Menteri Besar Selangor YAB Tuan Amirudin bin Shari dan juga Naib Canselor UiTM Prof. Emeritus Ir. Dr Mohd Azraai Kassim.





Gerobok Rezeki Ramadan

bantu Mahasiswa kurang berkemampuan



9 MEI 2019 —Majlis Perasmian Gerobok Rezeki Ramadan (GRR) 2019 telah berlangsung di Masjid Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam. GRR 2019 merupakan anjuran Jabatan Berita dan Hal Ehwal Semasa (NCA) Media Prima Berhad dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) dan Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat (BCKK) UiTM.

GRR 2019 telah dirasmikan oleh Pengarang Urusan NCA, Datuk Manja Ismail. Turut hadir Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Prof. Dr Mohd Nazip Suratman dan Pengurus Besar NCA, Puan Wan Sabariah Shikh Ali. Program GRR 2019 itu mendapat kerjasama anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor, Menteri Besar Selangor (*Incorporated*) dan Worldwide Holdings Berhad. Selain itu, program ini turut mendapat kerjasama Tabung Koperasi NSTP dan Media Prima Berhad serta beberapa penaja lain lagi.

GRR 2019 bertujuan membantu meringankan beban mahasiswa yang kurang berkemampuan. Mereka boleh mengambil makanan dan minuman di tempat yang telah disediakan di masjid setiap universiti untuk berbuka dan bersahur. GRR 2019 juga turut dijalankan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).





Program Plus Tahfiz

beri sinar untuk
huffaz belajar di UiTM



5 MEI 2019 — Acara Himpunan Huffaz 2019 telah dianjurkan oleh Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS) di UiTM Cawangan Selangor Kampus Dengkil. Acara ini telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti, YBhg. Dato' Seri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir dan turut dihadiri oleh Naib Canselor, YBhg. Prof. Emeritus Ir. Dr Mohd Azraai Kassim.

Program Plus Tahfiz bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar tahfiz untuk mereka melanjutkan pengajian tanpa meninggalkan hafalan al-Quran. Sehingga hari ini seramai 344 orang pelajar tahfiz telah berjaya mengikuti pengajian di UiTM dan mengikuti program ini. UiTM telah menjadi antara Universiti Awam yang pertama melaksanakan kokurikulum plus tahfiz yang merentasi semua program di fakulti.

Pelajar tahfiz yang ingin melanjutkan pelajaran di UiTM dalam bidang profesional di peringkat asasi, diploma atau ijazah diberi kebebasan untuk memilih bidang profesional yang ditawarkan di UiTM, seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi dan perniagaan, serta undang-undang. Perancangan dan pelaksanaan program ini telah dirancang dengan baik untuk melonjakkan lagi pencapaian universiti dengan melahirkan profesional huffaz yang cemerlang, gemilang dan terbilang.





Rewang Ramadan Canseleri



23 MEI 2019 — Bertempat di parkir bangunan Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin telah diadakan Rewang Ramadan Canseleri hasil sumbangan ikhlas staf di bangunan Canseleri serta kerjasama dengan Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).

Staf mula berkumpul dari waktu pagi dan telah bersama-sama menyediakan bubur lambuk sehingga siap dimasak dan dibungkus. Sebanyak enam (6) periuk besar bubur lambuk telah disediakan. Naib Canselor, Prof. Emeritus Ir. Dr Mohd Azraai Kassim sempat mencuri masa untuk turun menyediakan bubur lambuk tersebut.

Edaran sebanyak 2500 bungkus bubur lambuk tersebut dibuat di Masjid Al-Wathiquil Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin UiTM untuk para pelajar dan juga di pintu utama UiTM. Bagi penyerahan di pintu utama, serahan bubur lambuk telah dibuat oleh Prof. Dato' Dr Rahmat Mohamad, Timbalan Naib Canselor Jaringan Industri, Komuniti, Alumni & Keusahawanan (ICAEN).





Majlis Khatam Al-Quran & Penyampaian Sumbangan Hari Raya 2019M/1440H



27 MEI 2019 — Bertempat di Ruang Solat Tambahan Aras 1, Masjid Al-Wathiquil Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin, UiTM Shah Alam telah berlangsungnya Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian sumbangan Hari Raya 2019M/1440H Peringkat UiTM. Majlis ini telah bermula pada 1 Ramadan 1440H bersamaan 5 Mei 2019 dan telah disertai oleh kakitangan UiTM. Tadarus Al-Quran pada kali ini melibatkan lebih daripada 600 penyertaan di kalangan kakitangan dari 38 jabatan, bahagian dan juga fakulti.

Perasmian Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Hari Raya 2019M/1440H ini telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar), Prof. Dr Azizan Abdullah diikuti dengan penyampaian sumbangan hari raya kepada kakitangan UiTM. Pusat Zakat, Sedekah dan Wakaf UiTM telah memberi sumbangan hari raya dengan jumlah agihan sebanyak RM61,600.00. Pada tahun ini seramai 178 orang penerima yang layak telah menerima sumbangan tersebut dengan kadaran RM350 sehingga RM500 seorang.





Memorandum of Understanding



MoU antara
UiTM dan
**Cyber Security
Malaysia**



MoU antara
UiTM
dan
MyIPO



MoU antara
UiTM dan
**Vectolabs
Technologies
Sdn Bhd**



MoU antara
UiTM dan
**University
of Texas at
Arlington**





Dari Perspektif...

Prof. Emeritus
Ir. Dr Mohd Azraai Kassim
Naib Canselor





“ Change is inevitable.
We cannot live in the past.
We must move forward. ”

UiTM memainkan peranan sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang jelas berbeza dan sangat istimewa berbanding dengan Institusi Pengajian Tinggi lain di negara ini. UiTM semakin hari semakin dikenali dan dihormati oleh universiti-universiti terkemuka di dunia. Tidak syak lagi, di mata mereka, UiTM diiktiraf terutama dalam soal peranan dan sumbangan UiTM kepada pembangunan modal insan dan sosial negara.

Segala usaha untuk membawa nama universiti ke peringkat antarabangsa dilakukan dengan rasa dan tanggungjawab yang dipikul oleh setiap warga UiTM, termasuklah semangat yang ditunjukkan di peringkat kepimpinan oleh barisan Pro-Canselor, Lembaga Pengarah Universiti, dan alumni UiTM. Saya amat kagum dengan semangat, komitmen dan kesungguhan memerkasa UiTM bersandarkan objektif asalnya iaitu membantu memajukan kaum bumiputera, dan memperluaskan akses bagi meramalkan golongan profesional dalam kalangan bumiputera. Perjuangan ini merupakan suatu perjuangan yang cukup penting bagi negara.

Walau bagaimanapun, perjuangan ini masih belum selesai. Dalam bidang profesional kita jauh ketinggalan walaupun pada hakikatnya kita merasakan kita ramai. Lihat sahaja kaum Cina, mereka bersatu membantu antara satu sama lain merebut peluang dan mencipta keseronokan antara mereka. Kita terpaksa terima realiti bahawa ramai dalam kalangan masyarakat kita yang jarang kembali untuk menabur bakti dan memberi sumbangan apabila sudah berjaya. Bagi mereka pendidikan adalah tugas kerajaan. Pemikiran dan budaya sebegini harus dielakkan. Lihatlah dari sudut positif yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan kemajuan bangsa. Kita perlu menerapkan pendekatan yang dapat memberi kesedaran tentang persaingan kita. Setiap warga perlu mempunyai motivasi untuk sentiasa menjadi yang terkehadapan.

Saya yakin dalam jangka masa panjang UiTM mampu berada pada kedudukan 300 teratas dalam penarafan QS World. Semua ini tak mustahil tetapi kita perlu berusaha bersama-sama dari sekarang untuk merealisasikan. Tiga misi utama saya gariskan untuk menjadikan UiTM sebuah universiti berprestij tinggi. Pertama, semua pihak tidak kira di fakulti, kampus mahupun bahagian, agenda akademiknya mesti bergerak mengikut segala yang telah dirancang. Kedua, meningkatkan profil global Universiti. Antaranya, penyelidik UiTM perlu menghasilkan kajian berimpak tinggi yang dapat menyelesaikan masalah

sebenar yang dihadapi masyarakat, bukan kajian yang hanya 'syok sendiri', di samping merencanakan kolaborasi di peringkat antarabangsa.

Misi ketiga adalah meningkatkan kadar kredibiliti graduan dan juga melahirkan ramai usahawan. UiTM mampu mengukuhkan jalinan alumninya yang melebihi setengah juta di dalam dan di luar negara, membuka potensi aset serta mewujudkan ekosistem keusahawanan. Tidak mustahil sekiranya suatu masa nanti kita dapat mengatasi isu diskriminasi antara kaum dalam sektor pekerjaan dengan meramalkan usahawan bumiputera dan menggaji lebih ramai graduan di syarikat-syarikat.

UiTM perlu lebih agresif dalam merealisasikan kerjasama strategik yang menguntungkan dan memberi impak besar kepada pertumbuhan ekonomi organisasi dan negara demi memastikan kelestarian dan kerelevanan kita. Kita perlu tingkatkan kerjasama dengan industri, universiti tempatan dan universiti antarabangsa, terutamanya dalam penawaran program akademik, penyelidikan dan *service learning*.

UiTM ini umpama *sleeping giant*. Kalau kita lihat, UiTM adalah sebuah universiti yang komprehensif. Maknanya kita boleh menyumbang kepada negara dalam semua bidang, bukan sahaja melahirkan graduan tetapi kita boleh menjadi *realistic solution provider*, membantu komuniti dari segi sosio-ekonomi, dan banyak lagi yang kita boleh lakukan sama ada di dalam negara mahupun di peringkat global melalui pelbagai aktiviti yang terancang. Syaratnya semua mesti dikejutkan daripada tidur, semua kena bangun. Ubah penetapan minda dengan melihat kepada visi yang lebih besar.

Kita bukan memberi sumbangan kepada Malaysia sahaja, tetapi kita menyumbang kepada komuniti global dan umat Islam di luar sana. Kita perlu bangkitkan perubahan minda untuk melihat potensi yang ada pada universiti dengan bersandarkan pada misi dan visi kita, Insya-Allah suatu hari nanti kita akan menjadi sama seperti universiti global lain di dunia. Walaupun dari segi saiz kita mungkin tidak sepantas universiti yang lebih kecil tetapi jika kita telah menetapkan fokus, momentum kesungguhan digerakkan, saya yakin kita boleh mencapainya. Kita tidak boleh berasa selesa dengan apa yang telah kita capai sekarang kerana persaingan dunia pada hari ini sangat mencabar. *Change is inevitable. We cannot live in the past. We must move forward.*





Fokus

Prof. Dr Ku Halim Ku Hamid

Keinginan kuat untuk membantu menyelesaikan masalah yang sering dihadapi masyarakat mendorong Prof. Dr Ku Halim Ku Hamid untuk terus mengkaji dan menghasilkan penemuan yang mampu memberi impak dan manfaat kepada komuniti dan industri.

Ikuti temu bual ringkas bersama pensyarah kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia UiTM yang telah berjaya menghasilkan pelarut berasaskan air dan bahan bio-organik yang bakal mengubah industri permotoran kepada yang lebih mesra alam:

• Bagaimana tercetus idea untuk inovasi hijau ini?

Kebanyakan bengkel kereta menggunakan pelarut yang berasaskan petroleum hidrokarbon untuk mencuci bahan besi seperti enjin kenderaan bermotor. Pelarut ini sebenarnya mengundangi bahaya bukan sahaja kepada pengguna tetapi juga kepada alam sekitar. Persekitaran di sekeliling juga akan menjadi tidak menarik dan kotor. Saya terfikir untuk menyelesaikan masalah membersihkan sisa minyak ini dengan menggunakan kepakaran dan teknologi yang sedia ada daripada bahan-bahan berasaskan air dan tumbuhan. Saya bersama rakan pasukan penyelidik di Fakulti Kejuruteraan Kimia serta kerjasama dengan pihak industri iaitu AD NANO Sdn Bhd berjaya mencipta inovasi hijau ini dalam tempoh dua minggu.

• Apakah yang dimaksudkan dengan inovasi hijau pada bahan pelarut yang dicipta oleh pihak Prof.?

Pelarut yang dihasilkan ini boleh mencuci bersih sisa kotoran dan juga memecahkan minyak. Oleh kerana pelarut ini bio-based ia tidak akan menjadikan minyak itu bertompok-tompok. Sebaliknya, sisa minyak yang dipecahkan itu akan kelihatan seperti air dan selamat untuk dibuang kerana ia tidak akan mencemarkan alam sekitar.





“ We have to be humble, consider our stakeholders when doing research & see problems as opportunities; use our knowledge to think of solutions. ”

• **Adakah bahan bio-organik ini sudah ada di pasaran negara?**

Belum lagi. Buat masa ini bahan pelarut bio-organik yang ada adalah dimpot. Tetapi pelarut yang kami hasilkan menggunakan seratus peratus bahan tempatan hasil bumi Malaysia dan inilah yang menjadikannya sangat berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

• **Adakah bahan selain dari besi yang boleh dicuci dengan pelarut ini?**

Pelbagai bahan logam terutamanya bahan-bahan yang tercemar akibat berminyak boleh dicuci menggunakan pelarut bio-organik ini. Akuarium juga boleh dicuci tanpa perlu mengasingkan ikan semasa proses mencuci akuarium sedang dijalankan kerana pelarut ini terbukti selamat untuk digunakan.

• **Apakah kelebihan bahan pelarut ini?**

Selain daripada mesra alam dan menggunakan sumber bahan tempatan, pelarut ini mampu dihasilkan secara besar-besaran dalam masa yang singkat.

• **Apakah kekurangan yang mungkin dimiliki oleh bahan pelarut ini?**

Buat masa ini tiada. Yang pasti inovasi ini dapat menyelesaikan masalah membersihkan sisa minyak tanpa mencemarkan alam sekitar.

• **Apakah yang Prof. ingin sampaikan kepada warga penyelidik UiTM?**

Sebagai penyelidik kita perlu memahami realiti yang dihadapi masyarakat serta industri. Kita perlu bersemuka dengan mereka dan bersedia mencari penyelesaian kepada masalah sebenar dan bukannya membuat penyelidikan dengan tujuan menerbitkan kertas kajian semata-mata. *We have to be humble, consider our stakeholders when doing research & see problems as opportunities; use our knowledge to think of solutions.*



Sidang REDAKSI

Penaung

Prof. Emeritus Ir. Dr Mohd Azraai Kassim

Penasihat

Alfina Bakar

Ketua Editor

Mohammad Syazwan Mohd

Editor

Aida Ahmad Saipuddin

Nurul Afnieza Md Zain

Pereka Grafik

Junaidy Talib

Penulis Berita

Nor Amirah Md Amran (Pelajar Praktikal)

Nashrah Nazila Ahmad (Pelajar Praktikal)

Jurufoto

Roslan Daud

Shamsul Hidayat Omar

Shazana Shabuddin

Shahida Nordin

Edaran

Asura Rahman



Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
Aras 2, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam, Selangor

